

17 APR 2001

Mahathir-Internet/I

INTERNET DIGUNA HASUT ORANG UNTUK MEMBUNUH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas mereka yang menyalahgunakan istilah "kebebasan media" untuk menggesa orang lain melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang termasuk membunuh orang, melalui Internet.

Ketika diminta mengulas satu artikel dalam Internet yang menggesa orang supaya membunuhnya, Perdana Menteri berkata: "Inilah kebebasan media, ia bermakna kamu boleh melakukan apa sahaja sesuka hati, kamu berbohong, kamu membuat tuduhan terhadap orang lain, kamu menghasut orang supaya membunuh antara satu sama lain. Kita tidak suka kebebasan media seperti itu."

Perdana Menteri berucap pada persidangan media selepas merasmikan kampus Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, di sini hari ini.

"Saya terbaca mesej dalam Internet yang menggesa orang supaya membunuh saya. Lain kali, sudah tentu mereka akan meminta orang melontar bom dan semuanya," kata beliau.

Artikel itu antara lain menuduh Dr Mahathir sebagai tak Islam dan bahawa beliau mengata-ngata terhadap Nabi Muhammad.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada golongan pelajar di negara ini menerima mesej yang sering disampaikan beliau iaitu mereka perlu mempelajari pelbagai ilmu selain mendalami ilmu agama bagi membolehkan umat Islam muncul sebagai umat yang maju.

"Ada jenis-jenis pelajar yang tak celik hati langsung, dia tak nampaklah. Dia sudah tutup hati dia langsung, sudah jadi fanatik dan taksub dengan satu fahaman sahaja serta tidak boleh nampak benda yang benar," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan bimbang perkara sebegini akan menjadi trend di kalangan pelajar, beliau berkata: "Kita akan lawan trend macam itu selagi kita boleh."

Mengenai UIA, Dr Mahathir berkata beliau bersyukur kerana apa yang dirancang menjadi kenyataan dengan para pelajar universiti itu yang datang daripada lebih 90 negara yang mempunyai penduduk Islam.

Bagaimanapun, beliau berkata banyak lagi yang boleh dilakukan oleh UIA untuk menjadikannya sebuah institusi pendidikan yang unggul.

Dr Mahathir berkata penubuhan UIA ialah disebabkan satu ketika dahulu, kebanyakan universiti Islam di tempat lain di dunia hanya mengutamakan subjek agama seolah-olah bidang lain tidak ada kena-mengena dengan agama.

Menurutnya, jika orang Islam ingin menyempurnakan agama mereka bagi menentukan kehidupan yang bahagia, mereka perlulah menguasai semua ilmu.

"Kita tak boleh condemn ilmu lain sebagai sekular," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM AHH FAZ